

14/05/1999

Pengutuk PM ibarat kacang lupakan kulit

Mohd Iskandar

SAYA dengan ikhlas menyatakan rasa hati saya mengenai permasalahan yang berlaku di negara ini. Pada masa ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sering dikutuk oleh segelintir mereka di dalam dan luar negara. Apakah tindakan itu wajar mencerminkan sikap rakyat Malaysia umpama "kacang lupa kulit"?

Memang tidak dinafikan peranan yang dimainkan beliau dalam usaha membawa kita ke arah kemajuan. Cuba bayangkan jikalau Dr Mahathir tidak ambil peduli tentang kehidupan kita pada masa kini. Jawapan mudah saja. Kita akan terus mundur sehingga abad ke-21.

Saya juga rasa sedih apabila ada pensyarah yang berperanan menghasut pelajar dengan pelbagai toman yang tidak berasas mengenai kerajaan pada masa kini. Contohnya semangat reformasi cuba diterapkan oleh pensyarah agar pelajar bangun menentang kerajaan. Adakah itu peranan mereka sebagai pensyarah di mana hidup mereka pun dibiayai kerajaan? Ini bererti mereka tidak sedar diri bahawa hidup mereka pun di bawah kerajaan Dr Mahathir. Begitu juga banyak kakitangan kerajaan yang anti Dr Mahathir yang mana mereka hanya menjaga kepentingan diri semata-mata. Apabila susah, mereka cari kerajaan tetapi dah senang, kutuk kerajaan. Manusia jenis apa mereka ini. Bunga diberi dibalas tahi, tidak masuk akal langsung.

Baru-baru ini saya terjumpa seorang yang kuat menyokong reformasi yang pergi ke hospital kerajaan, anak-anaknya dihantar sekolah kerajaan dan juga menggunakan seluruh kemudahan yang diwujudkan oleh kerajaan. Mereka sepatutnya mesti berfikir!